

## UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN KONVENSYEN UMNO JOHOR DI MUAR, JOHOR PADA 14HB FEBRUARI, 1974

Y.A.B. Datuk Haji Othman,<sup>1</sup> Y.B. Menteri-Menteri, Y.B. Datuk Senu dan Ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO, Saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan terimakasih kepada Datuk Haji Othman dan Ahli-ahli Perhubungan UMNO Johor kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Konvensyen UMNO Negeri Johor ini.

Saya bersyukur kehadzrat Allah kerana dengan izinNya saya dapat membuat lawatan sekali lagi ke Muar sejak lawatan terakhir 1972 untuk bertemu muka dengan saudara-saudara sekalian yang mewakili seluruh Bahagian UMNO Johor dalam Konvensyen yang penting ini. Pada sebelah pagi tadi, saya telah dapat kesempatan bertemu dengan rakyat dari semua kaum dan lapisan masyarakat yang turut beramai-ramai menyaksikan Pesta Pembangunan anjuran Kerajaan Negeri. Pesta ini adalah satu usaha Kerajaan kita hendak mengubah sikap dan aliran pemikiran rakyat dengan tujuan agar mereka melibatkan diri bersama-sama mengejar kemajuan bagi mencapai taraf kehidupan yang lebih sempurna.

Sehingga kini, kebanyakan Negeri telah mengadakan Konvensyen masing-masing dan hanya tinggal Melaka, Kelantan dan Trengganu yang sedang membuat persiapan mengadakannya. Insya Allah Konvensyen ini akan selesai dalam sebulan dua lagi dan seterusnya saya harap setiap Cawangan dan Bahagian akan dapat mengadakan mesyuarat perwakilan tahunan masing-masing sebelum kita mengadakan Perhimpunan Agung akhir bulan Jun kelak.

Saya berpuashati dalam Konvensyen-konvensyen yang sudah berlangsung, para peserta menunjukkan minat yang besar terhadap masalah-masalah yang kita hadapi, baik dari segi Parti mahupun dari segi Kerajaan. Nampaknya persediaan untuk Konvensyen Johor ini adalah teratur dan tersusun dengan baik dan dalam hubungan ini sukalah saya mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Konvensyen serta ucapan terimakasih kepada Pergerakan

---

<sup>1</sup> Menteri Besar, Johor.

Pemuda dan Wanita atas acara sambutan yang begitu meriah sebentar tadi.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang sedia dimaklum, tujuan utama kita mengadakan Konvensyen ini ialah supaya pimpinan UMNO pada semua peringkat mempunyai rasa kesedaran yang mendalam mengenai pergolakan politik tanahair hari ini dan memahami kedudukan serta peranan parti kita UMNO. Amatlah mustahak terutama pada masa ini kita menjamin kekuatan dan perpaduan parti untuk menghadapi pilihanraya akan datang dalam mana para pemimpin UMNO di peringkat Bahagian dan Cawangan, seterusnya seluruh ahli *rank-and-file* faham dan tahu akan tugas serta tanggungjawab masing-masing.

Begitu juga tidak kurang pentingnya kita sebagai ahli-ahli parti yang mendukung Kerajaan mengetahui seberapa banyak akan perkembangan serta kemajuan yang telah dicapai dalam bidang ekonomi dan sosial, khasnya usaha pembangunan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Konvensyen ini memberi peluang penuh kepada para peserta mendengar penerangan dari pihak pelaksana iaitu para pegawai Kerajaan Negeri dan Pusat, dan juga Badan-badan Berkanun yang ditugaskan menjalankan dasar Kerajaan. Saya berharap ahli-ahli UMNO dapat menambah pengetahuan serta meluaskan pandangan mereka mengenai usaha-usaha pembangunan negara dan dengan demikian dapatlah mereka memberikan kerjasama yang lebih sempurna dan berkesan lagi untuk menjayakan cita-cita Kerajaan hendak membina negara yang maju, moden dan bersatu. Patutlah kita mengingat semula bahawa di sebalik tujuan asas parti kita memperjuangkan kemerdekaan dulu ialah semata-mata hendak memberi rakyat di negara ini, khasnya mereka yang tidak berada yang duduk di kampung-kampung dan di kawasan luar bandar, kedudukan yang wajar dan taraf hidup yang sempurna sesuai dengan zaman kemajuan sains dan teknologi ini.

Selanjutnya, Konvensyen ini memberi peluang terbuka untuk para peserta membincangkan masalah-masalah berhubung dengan pelaksanaan dasar parti dan juga Kerajaan dengan tujuan mencari huraian bersama untuk mengatasi masalah-masalah itu. Bagi maksud ini, beberapa kertas-kertas kerja telahpun disediakan untuk perbincangan dan beberapa orang

tokoh "expert" juga dibawa datang untuk membantu dalam perbincangan-perbincangan itu. Adalah diharapkan melalui perbincangan-perbincangan itu kelak kita boleh dapat menentukan atau *identify* masalah-masalah utama yang dihadapi oleh masyarakat baik di kampung ataupun di bandar serta dapat pula huraian atau *solution* yang sesuai dengan kehendak membina masyarakat adil di negara kita yang mempunyai rakyat berbilang kaum ini.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang saya sebutkan awal tadi, perkara yang penting dan mustahak dari segi pandangan parti ialah menjaga perpaduan dan rasa persefahaman antara ahli-ahli parti di setiap peringkat membawa dari Cawangan kepada Bahagian dan seterusnya bagi seluruh negara. Kata pepatah "Bersatu teguh, bercerai roboh" dan pada hemat saya selagi kita semua berpegang pada prinsip ini, parti kita akan terus kuat dan kekal berkuasa membimbing negara untuk puluhan bahkan ratusan tahun akan datang.

Bagaimanapun, kita sedar bahawa dalam menjalankan pentadbiran negara, kita sejak sekian lama berpegang pada konsep Perikatan dan hari ini konsep itu diperluaskan menjadi satu Barisan Kebangsaan atau National Front. Dalam context ini juga, hakikat dan hasrat "bersatu teguh" tadi menjadi lebih-lebih nyata dan mustahak dikekalkan pada setiap masa kerana hanyalah dengan adanya perpaduan itu maka kita dapat menjamin kekuatan Kerajaan yang kita dukung bersama itu.

Berbalik kepada perkara pokok iaitu perpaduan sebagai punca kekuatan UMNO, adalah mustahak setiap ahli Parti kita sentiasa meletakkan kepentingan parti di atas segala-galanya atau dengan kata-kata lain mengenyahkan kepentingan diri sendiri demi menjaga keutuhan parti. Kita melihat lazimnya pecah belah yang berlaku di dalam parti mana-mana pun ialah disebabkan oleh perbuatan ahli atau lebih-lebih lagi pucuk pimpinan mengutamakan kepentingan diri yang mana menimbulkan keadaan yang tidak sihat dan pertelingkahan sesama sendiri. Bahkan yang lebih buruk lagi bila ada penyelewengan di kalangan pimpinan parti yang mengambil kesempatan dari kedudukan mereka dalam parti (ataupun Kerajaan) untuk kepentingan diri dan kaum keluarga mereka itu sendiri.

Saudara-saudara sekalian.

Keadaan politik tanahair kita pada hari ini telah jauh berubah dari masa kita mencapai kemerdekaan tujuh belas tahun dahulu; bahkan banyak perubahan telah berlaku dalam tempoh dua tiga tahun akhir-akhir ini. Namun begitu kita bersyukur bahawa parti kita UMNO masih kekal memegang peranan yang utama oleh kerana kita mempunyai kekuatan untuk mengambil inisiatif bagi menentukan arah aliran politik di negara ini. Kita boleh berbangga dengan kejayaan kita mempelopori konsep Perikatan sebagai permulaan titik perjuangan yang meliputi semua kaum dan hari ini kita memasuki peringkat baru sebagai tunjang Barisan Nasional. Pada hemat saya, perjuangan UMNO dalam tahun-tahun akan datang hendaklah mengikut landasan yang baru ini dan terus memegang inisiatif dalam menentukan strateji yang *popular* dan *imaginative* untuk membawa kepada matalamat perjuangan itu dengan penuh kejayaan.

Sayugia difaham bahawa Konsep Barisan Nasional ini adalah satu langkah yang amat wajar dalam keadaan politik negara yang telah berubah itu. Peristiwa 13 Mei yang merupakan titik perpisahan dari zaman atau peringkat lama itu adalah satu pengajaran yang besar kepada kita semua dan dari pengalaman inilah kita terpaksa membuat penilaian dan perhitungan baru untuk menyesuaikan tindak-tanduk perjuangan parti dengan keadaan masa. Kesanggupan kita mempelopori dan memperjuangkan konsep Barisan Nasional ini adalah bukti kematangan dan keberanian kita menghadapi kenyataan itu. Syukur Alhamdulillah, kita telah berjaya menarik parti-parti yang dulunya menentang kita dan duduk bersama-sama dalam Kerajaan demi kepentingan bangsa dan negara.

Sungguhpun di Johor ini tidak berlaku sebarang perubahan dalam susunan Kerajaan, namun hasil dari kejayaan Kerajaan Campuran Perikatan/PAS adalah sama-sama dirasakan dalam meredakan ketegangan politik di masa sudah-sudah. Melalui konsep ini juga kita berjaya membawa parti-parti politik yang menerima gagasan perpaduan negara atas landasan Dasar Ekonomi Baru dan bekerjasama menjayakannya.

Hari ini, pada hemat saya, hasrat perpaduan rakyat adalah lebih nyata dalam semua aspek kehidupan sehari-hari dan saya percaya inilah tapak yang kukuh bagi kita membentuk satu bangsa yang

bersatu serta menentukan corak keperibadian nasional yang dapat diterima oleh semua golongan dan lapisan untuk warisan jenerasi akan datang.

Dengan langkah-langkah yang telah kita ambil di bidang politik dan di bidang pentadbiran, dan dengan berpandu kepada Rukun-negara sebagai panduan hidup rakyat, saya yakin kita akan dapat mengatasi segala masalah yang menjadi halangan kemajuan yang kita cita-citakan itu.

Saudara-saudara sekalian.

Berpaling kepada keadaan parti khususnya, saya sukacita UMNO Negeri Johor dapat mengekalkan kekuatannya hingga ke hari ini di bawah pimpinan Datuk Haji Othman. Kemenangan dalam dua pilihanraya kecil di mana calon-calon berjaya tanpa bertanding adalah bukti sokongan rakyat terhadap parti dan Kerajaan. Bagaimanapun, tidaklah seharusnya kita bersikap "complacent" atau puas diri oleh kerana kita tahu parti lawan sentiasa menunggu kesempatan hendak merosakkan kedudukan kita dan memperluaskan pengaruhnya. Di Johor ini saya tahu DAP meletakkan pemimpin Melayu dan cuba sedaya upaya mendapatkan sokongan dari orang-orang Melayu. Tetapi saya tidak bimbang selagi ahli-ahli Parti kita memegang disiplin yang teguh menjaga perpaduan dalam parti dan antara parti-parti sahabat yang seperjuangan dengan kita. Begitu juga saya harap di pihak Kerajaan Negeri usaha-usaha yang lebih luas akan dijalankan untuk membawa kemakmuran kepada rakyat di kampung-kampung dan di luar bandar seperti membawa peluang pekerjaan dengan membuka industri seperti di Muar ini yang dulunya jauh tertinggal berbanding dengan Johor Baharu dan Batu Pahat.

Berkenaan dengan langkah-langkah pembangunan di Negeri Johor ini, nyatalah kita mencatatkan kemajuan yang pesat dengan projek Johor Tenggara, projek Pelabuhan dan perindustrian di Pasir Gudang selain dari projek-projek yang sedang diselenggarakan oleh Lembaga Kemajuan Negeri Johor. Semua ini mencerminkan keazaman dan kejujuran Kerajaan mentadbir negara atas lunas-lunas demokrasi yang kita harapkan bertumbuh subur di negara ini. Bagaimanapun, seperti saya katakan seringkali (dan juga semasa merasmikan Pesta pagi ini) sebarang langkah yang dijalankan oleh Kerajaan itu mustahaklah rakyat melibatkan diri

bersama-sama dan bersama-sama memikul tanggungjawab menjayakannya supaya benar-benar memenuhi hakikat pemerintah oleh rakyat—"government of the people, by the people and for the people".

Dalam hubungan ini suka saya mengingat bahawa dalam Parti dan Kerajaan, kita adalah mengamalkan dan menjunjung tinggi sistem demokrasi. Sistem demokrasi ini adalah mempunyai peraturan-peraturannya yang tertentu dan wajiblah setiap orang memahami dan mengikut peraturan itu. Rakyat dikehendaki melibatkan diri dalam pelaksanaan usaha-usaha Kerajaan pada setiap peringkat dan sebarang penyelewengan daripada dasar yang ditentukan oleh Kerajaan hendaklah dibawa kepada pengetahuan Kerajaan mengikut saluran-saluran tertentu. Kita mempunyai Kerajaan yang dipilih oleh rakyat dan tentulah Kerajaan ini bertanggungjawab penuh dalam segala hal yang melibatkan kepentingan rakyat. Di dalam sistem demokrasi tentulah tidak wajar bagi mana-mana pihak atau golongan mencabar Kerajaan mengenai apa-apa *issue* atau menggunakan kekerasan terhadap Kerajaan. Kerajaan adalah bertanggungjawab kepada rakyat yang telah memilih dan memberi mandat kepadanya. Kerajaan hanyalah boleh diubah dalam pilihanraya menurut peraturan demokrasi yang saya sebutkan tadi. Mana-mana golongan rakyat yang tidak puashati dengan dasar atau perjalanan Kerajaan, bolehlah mengambil tindakan menurut aturan dan saluran yang ditetapkan iaitu menerusi wakil-wakil rakyat dan agensi pentadbiran dan seharusnya mereka berbuat apa yang wajar menurut aturan itu. Kerajaan sedia menerima pandangan dan teguran yang membina untuk faedah rakyat dan Negara, tetapi tindakan politik terhadap Kerajaan hanyalah boleh dibuat melalui pilihanraya di mana keputusan muktamad terserah pada rakyat untuk menentukannya.

Kerajaan sekarang telah dan sedang menjalankan dasar yang bertujuan hendak memberi faedah kepada rakyat khususnya mereka yang miskin dan mundur yang duduk di kampung-kampung dan di kawasan luar bandar. Kerajaan berazam supaya keadaan yang tidak seimbang di kalangan rakyat di lapangan ekonomi dapat diperbaiki dan dihapuskan supaya dengan itu dapat dibina landasan yang kukuh bagi perpaduan rakyat dan kestabilan Negara. Inilah cita-cita dan matalamat pemimpin-pemimpin yang ada sekarang supaya jenerasi yang muda dapat mewarisi Negara yang bersatu padu, makmur dan aman bahagia untuk mereka itu memelihara dan mempertahankannya.

Untuk mencapai matalamat ini, mustahaklah semua pihak—ahli-ahli politik, ahli-ahli pentadbiran, penuntut-penuntut yang masih di bangku sekolah—menjalankan tugas masing-masing dengan sempurna dan jujur. Kaum belia dan penuntut-penuntut dikehendaki mengisi dada mereka itu dengan ilmu pengetahuan untuk membolehkan mereka mengambil tempat dalam perusahaan dan kemajuan. Kepada orang-orang Melayu, saya suka tegaskan bahawa masa depan orang-orang Melayu bukan bergantung kepada laungan atau tempek sorak semata-mata. Untung nasib orang-orang Melayu bahkan timbul tenggelamnya orang-orang Melayu di Negara ini sendiri bergantunglah kepada kesanggupan muda mudi sekarang mengisi dada mereka dengan ilmu pengetahuan sesuai dengan zaman sains dan teknologi dan kemahiran-kemahiran untuk menghadapi cabaran-cabaran hidup yang akan datang. Kalau kita tidak sanggup menggunakan peluang yang ada sekarang dan berlumba-lumba mengejar kemajuan, nescaya kita akan ketinggalan. Tidak ada jalan yang lain. Inilah jalan yang tinggal bagi kita. Inilah cabaran yang kita mesti tunaikan bagi Bangsa dan Negara. Masa hadapan Negara bergantung kepada belia-belia dan penuntut-penuntut yang masih belajar. Adalah harapan kita yang mereka bersungguh-sungguh mengisi dirinya dengan ilmu pengetahuan untuk mengambil tempat pemimpin-pemimpin yang ada sekarang dan untuk menghadapi cabaran-cabaran dan masalah-masalah yang tidak dapat tiada lebih rumit lagi pada masa akan datang.

Kita semua, baik Menteri-menteri, Wakil-wakil Rakyat, Pegawai-pegawai Kerajaan dan penuntut-penuntut di sekolah-sekolah tinggi dari kalangan orang Melayu adalah berasal dari rakyat yang menderita. Kemerdekaan Negara telah memberi peluang kepada kita untuk mendapat sedikit sebanyak kemudahan, kesenangan dan peluang-peluang. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab kita membalas segala-galanya dengan berkhidmat untuk kepentingan rakyat yang masih mundur dan miskin yang ada di kampung-kampung itu.

Saudara-saudara sekalian.

Parti kita UMNO yang mendukung Kerajaan telah berjuang begitu lama untuk memberi kemakmuran kepada rakyat. Tetapi kita patut ingat bahawa perjuangan UMNO belum lagi selesai dan sempurna. Masih banyak masalah yang menjadi sungutan rakyat terutama rakyat Bumiputra yang tinggal di luar bandar yang perlu

diatasi. Ramai rakyat petani dan nelayan yang berpendapatan kecil yang perlu dibaikki penghidupan mereka.

Bagi melaksanakan tugas-tugas penting yang belum tercapai itu, mustahaklah UMNO terus berjuang mengukuhkan jentera pentadbiran, meningkat kegiatan politiknya sesuai dengan tuntutan zaman. Mustahak kita merangka dan menentukan strateji yang *imaginative* dan *sophisticated* untuk mendapat keyakinan jenerasi muda yang terpelajar. Mereka ini adalah kumpulan tenaga yang kuat dan mustahak disalurkan dalam UMNO untuk memperkuat parti kita. Mereka ini juga merupakan sebahagian besar daripada pengundi-pengundi dan untuk mendapat sokongan mereka kepada parti kita dan Kerajaan, kita perlu mempunyai strateji dan *approach* yang sesuai dan diterima oleh mereka itu.

Saudara-saudara sekalian.

Suasana politik tanahair kita semakin hari semakin cerah dan penuh dengan optimism bagi kita menghadapi tahun-tahun akan datang. Kemajuan yang dicapai oleh negara di bawah konsep "Coalition" atau Campuran menunjukkan natijah yang baik dan oleh itu besar harapan parti-parti dalam Kerajaan Campuran akan dapat mencapai persetujuan mengenai strateji masa hadapan. Dengan adanya persefahaman ini dan dengan memilih serta menentukan "sistem politik" kita yang sesuai, saya yakin kita akan mencapai kemenangan dalam pilihanraya yang akan datang kelak.

Saudara-saudara sekalian.

Saya yakin dan percaya, dengan izin Tuhan, selagi ahli-ahli UMNO di semua peringkat taat dan teguh kepada disiplin parti dan berjuang mengikut landasan yang telah ditetapkan itu, masa hadapan UMNO, parti-parti lain dalam Barisan Kebangsaan dan juga Negara sangat baik. Kita akan terus maju mencapai cita-cita membina masyarakat adil dalam Negara Malaysia yang maju, makmur dan diberkati oleh Allah setiap masa.

Dengan harapan dan keyakinan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Konvensyen UMNO Johor ini.